

LATIHAN INTERVENSI KE-2 (KUMPULAN CIKGU SYAHRIL) 😊😊

Isikan tempat-tempat kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan dalam petak bagi ayat-ayat di bawah ini.

Dalam pada itu	sebaliknya	Seterusnya	Sebelum itu	Sungguhpun demikian
----------------	------------	------------	-------------	---------------------

1. Mula-mula campurkan tepung dan telur.
_____, masukkan sedikit air.
2. Keluarga mereka hidup miskin. _____, mereka tetap bersyukur.
3. Ayah membaiki motosikalnya. _____ abang mencuci kereta.
4. Aiman tidak bermain bola sepak. _____ dia mengulangkaji pelajaran.
5. Kami akan bertolak to Tutong pada waktu pagi. _____, ayah memeriksa keadaan kereta terlebih dahulu.

Justeru	Walhal	Mungkin	Akhirnya	seterusnya
---------	--------	---------	----------	------------

1. Alia mendapati dompetnya hilang. _____ dompetnya tercicir atau tersalah letak.
2. Setelah ditanya oleh ayah, _____ abang mengaku menumbuk Alif Haikal.
3. Lapan orang peserta menarik diri. _____, program lawatan itu terpaksa dibatalkan.
4. Dato Khir menyampaikan ucapan. _____ beliau merasmikan laman web syarikat itu.
5. Jamil belum menghantar borang penyertaan pertandingan mengarang _____ tarikh tutup semakin hampir.

Oleh sebab itu	Namun demikian	Selepas itu	Mungkin	Lebih-lebih lagi
----------------	----------------	-------------	---------	------------------

1. Azah kelihatan mengantuk lagi. _____ dia menolong ibunya di warung sehingga lewat malam.
2. Cikgu Salman selalu memarahi murid-muridnya. _____ murid-murid menghormatinya kerana beliau seorang guru yang berdedikasi.
3. Sejak kecil lagi Pak Udin memang gerun ke laut, _____ pada usianya yang semakin lanjut ini.
4. Berita yang disampaikannya sungguh mengejutkan saya.
_____ saya mencuba sedaya upaya untuk bertenang.
5. Pelajar yang bermasalah itu diminta menceritakan hal yang sebenarnya.
_____, diberi nasihat.

Biarpun demikian	akhirnya	Kalau begitu	Lebih-lebih lagi	Selain itu
-------------------------	-----------------	---------------------	-------------------------	-------------------

1. Kami membawa murid-murid melawat ke Muzium Teknologi Melayu untuk melihat kesan peninggalan sejarah. _____, kami bercadang akan berkelah di Pantai Tungku.
2. Kehidupan Mak Kiah diibaratkan bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. _____, semangatnya masih kukuh untuk membesarkan anak-anaknya.
3. Orang ramai merungut kerana harga barang semakin naik.
_____, harga barang keperluan.
4. Setelah tiga hari berturut-turut Karim dan kawan-kawannya mendaki gunung itu,
_____ mereka sampai juga di puncaknya.
5. Nampaknya masalah kamu hadapi telah dapat diselesaikan.
_____ tidak perlulah saya membantu.